



SUMBER :

ELEKTRONIK

ARKIB : 16/08/2009

Fort Margherita

Oleh Mohd. Ali Bin Salim

MATAHARI hampir ke tengah ketika Suntong leka mencari rezeki di Sungai Sarawak. Jala ditebar ke permukaan air lalu menyerkap udang dan ikan. Suntong bertubuh sasa membongkok mengutip ikan dan udang yang sangkut pada jalanya. Jauh sudah dia berkayuh dari kampung Boyan menuju ke arah Astana. Kayuhannya lancar. Nasib baik dia tidak terpaksa menyungsung benak, fikirnya. Benak hanya milik Batang Lupar dan Batang Sadong. Suntong kini menghampiri tebing di bawah lembayung daun pokok pukul lima.

“Kubu Margherita memang kukuh, bahan binaannya adalah batu. Dulu ketika pemerintahan James Brooke kubu di Berlidah dibuat daripada kayu belian dan kerap diserang musuh. Tetapi Kubu Margherita tetap kukuh tanpa sebarang percubaan serangan oleh pejuang. Di situ ada gudang senjata dan bilik tahanan banduan sebelum menjalani hukuman mati.” Suntong teringat kata-kata Datu Bujang.

“Tiap-tiap malam, dari situ datangnya suara gagah pengawal-pengawal berteriak menyatakan keadaan terkawal. Itu kerja kau, kalau kau sanggup. Yang penting kau belajar guna senjata orang putih.” Masih terngiang-ngiang di telinga Suntong pujukan Datu Bujang agar dia setuju masuk pasukan Renjer Sarawak.

Suntong pernah berkhidmat sebagai Renjer Sarawak dan menjaga kubu putih. Tetapi kini Suntong mahu meruntuhkan kubu itu dan mengusir Brooke. Dia pernah meluahkan hasratnya kepada Datu Bujang. Dia tidak takut menyatakan hasrat kepada bapa saudaranya. Dia boleh berjuang walaupun sendirian. Badannya tegap berotot kuat.

“Bercakap kena berfikir, pandang-pandang, jangan ikut sedap mulut nanti badan binasa.” Datu Bujang menepuk bahunya.

“Sampai bila kita nak diam?” Suntong memprotes dengan nada geram. Datu Bujang mahu Suntong berhati-hati menyusun rancangan dan usah gopoh. Suntong diingatkan tentang kegagalan Syarif Masahor dan Datuk Patinggi Abdul Gapur dalam usaha menyerang Kuching. Rahsia pecah hingga sampai ke telinga Raja Charles Brooke.

Geram hati Suntong menjadi-jadi ketika melihat tebing tinggi bertanjung itu. Dia melihat kubu berwarna putih tegak megah. Kubu itu diberi nama Margherita sempena nama isteri raja penjajah. Kubu putih itu seolah-olah mengejek Suntong yang mahu merapati tebing. Itu yang dirasakan hati Suntong. Berkayuh ke tepian sungai tidak sepayah hati melihat kubu. Tiap kali berkayuh ke situ hatinya pedih diejek kemegahan Kubu Margherita. Kubu itu seperti berteriak ke arahnya, “Lihatlah aku akan kukuh melindungi Brooke untuk memerintah 100 tahun lagi.”

Suntong terus berkayuh sambil memerhati letak alam di sekitar bagi melupakan sebentar kubu yang memanaskan hatinya. Di seberang sana bertentangan dengan kubu, ada pejabat Syarikat Borneo dan deretan kedai Cina yang membentuk sebuah kota. Suntong tahu di atas Bukit Mata Kucing ada banglo-banglo mewah kerana dia pernah ke situ. Persekitaran Sungai Sarawak masih lagi indah alamnya dengan tebatan pokok-pokok besar. Dari jauh kelihatan Tugu Charles Brooke. Di tebing sungai sebelah sana sebuah stor menyimpan minyak kepunyaan Syarikat Borneo agam berdiri. Di sebelah kubu putih, letak Astana kediaman Raja Putih.

Suntong memerhati pula pondok-pondok penduduk di tebing bersebelahan Astana. Sungguh daif. Perbezaan latar itu menyentuh hatinya.

Namun Suntong dibayangi peringatan Datu Bujang agar jangan bertindak terburu-buru. Kadang-kadang Suntong menganggap nasihat itu satu halangan. Halangan yang cuba dibuat agar golongan belia bangsa seperti dia tidak bangun memberontak. Suntong kerap berfikir tentang halangan itu. Ada prejudis tumbuh dalam benaknya terhadap kepemimpinan orang tua seperti Datu Bujang.

Kepimpinannya

Bagi Suntong Datu Bujang laksana kerbau dicucuk hidung. Umpama kayu lempung, belum ditolak condong sendiri. Kepimpinannya hanya menghambat anak muda daripada memberontak. Pemimpin yang takut kehilangan kuasa jika anak buah memberontak. Aku fikir itu tujuan Raja Brooke membawa orang seperti Datu Bujang dalam pentadbiran, agar tiada pemberontakan. Hati Suntong merungut lagi. Warna-warna hitam melekat di hati.

Suntong menyelak lipatan sejarah dalam kepala tatkala tangan kekarnya masih berkayuh mencari tempat menebar jala. Dia ingat orang Melayu pernah memberontak pada akhir tahun 1830-an terhadap pemerintahan orang Melayu Brunei. Datu Patinggi Ali berjaya meniup semangat juang orang Melayu agar bangkit daripada penindasan. Kota Kuching akhirnya bebas dan Pangeran Indera Mahkota balik ke Brunei. Bebas hanya beberapa ketika sahaja. Datang Pangeran Raja Muda Hasyim mengambil jalan mudah menentang pemberontakan dengan mengundang bantuan asing. Orang Melayu hidup di bawah telunjuk askar pencen yang dilantik menjadi raja.

“Aku bukan melarang atau menahan kau daripada menentang Raja Brooke. Tapi aku mahu tindakan kita tidak berbuah kecewa. Ramai yang akan mati dan hidup kita semakin hina.” Suntong ingat kata-kata Datu Bujang yang seperti membela diri.

“Setiap perjuangan memang perlukan pengorbanan. Kita perlu mencuba sebelum berfikir tentang kegagalan.” Suntong pula menyanggah pendapat bapa saudaranya.

“Suntong, aku tahu kau berdarah pejuang. Dalam diri aku pun mengalir darah yang sama. Kita tunggu masa mengatur langkah pertama. Jangan terburu-buru. Langkah

pertama lebih bermakna jika sudah cukup bekalan di dada dan di tangan.” Kata-kata Datu Bujang membunuh prejudis Suntong walaupun bukan semuanya padam.

“Khabar dari Astana Perlembagaan Sarawak untuk anak Sarawak. Sarawak akan diperintah rakyat Sarawak. Majlis Negeri diberi kuasa memerintah. Perlembagaan ini ke arah memerdekakan Sarawak. Jika benar, mudah kerja kita tanpa menggunakan kekerasan.” Datu Bujang mengkhabarkan hasrat Raja Charles Vyner Brooke ketika perayaan 100 tahun memerintah Sarawak. Khabar itu masih lagi panas dan menjadi buah mulut sesiapa yang mengerti.

Kuasa asing

“Adakah Datu mudah mempercayai kuasa asing? Sekadar janji manis mengumpul sokongan orang seperti Datu.” Suntong menggoyah keyakinan Datu Bujang yang bergayut pada janji Raja Muda. Hati Datu Bujang terhiris oleh sembilu lidah Suntong. Dia cuba digolongkan anak saudaranya dalam kelompok orang yang mudah menelan janji. Dia bersabar. Perasaan berang disimpan kemas dalam hati, apa lagi terhadap anak saudara harapannya. ‘Kata-kata Suntong ada benar’ pada fikirannya. Janji Charles Vyner Brooke ketika hari ulang tahun ke-100 pemerintahan keluarga askar pencen itu, mungkin tersembunyi cita-cita ingin memerintah 100 tahun lagi.

Suntong tidak percaya janji Brooke. Mahukah dia merdekakan Sarawak yang banyak mengandungi untung. Bau sudah melahirkan emas dan antimoni untuk Brooke. Perut Miri pula sarat dengan minyak. Agak susah untuk Suntong percaya janji Charles Vyner Brooke mahu melepaskan semua kekayaan itu. Tidak semudah itu dia melepaskan Sarawak kembali dipimpin orang Melayu.

“Kita tunggu dulu. Jika kita ditipu juga, maka aku akan bersama kamu. Kita ganyang mereka!” suara Datu Bujang perlahan tetapi tegas. Kata-kata itu menjadi pegangan Suntong untuk menagih janji satu masa nanti.

Suntong menutup lembaran sejarah dan kisah silam dalam kepalanya apabila perahu hampir ke tebing batu. Dia terasa hembusan angin di situ sungguh sejuk dan mendamaikan jiwanya yang resah menahan ledakan darah pejuang. Tebing batu berlumut dan pokok-pokok besar megah berdiri. Suasana menyenangkan hatinya. Di permukaan air arus sungai tidak lagi meluncur laju. Di situ airnya tenang.

Suntong menebarkan jala. Dia masih leka. Rezeki Tuhan diambil tetapi pemberi rezeki dilupakan. Dia memang lupa. Jala menerkam rezeki yang ada di dalam sungai. Terasa berat jala diangkat ketika dibawa ke perut perahu. Lipatan jala mula dibuka dan diangkat batu-batu pemberat. Ikan dan udang melompat-lompat.

Benarkah Sarawak akan merdeka dengan mudah? Orang Melayu akan memerintah kembali bumi di lembah Sungai Sarawak? Tiba-tiba pertanyaan itu menerjah lagi dalam kotak fikiran tatkala dia membongkok mengutip udang bersepet biru dan ikan yang menari di dasar perahu. Ketika menoleh ke pangkalan penambang, baru dia sedar hari

itu ialah penghulu segala hari tatkala retina matanya melihat beberapa orang berkain pekat, berbaju Melayu dan bersongkok hitam berdiri di tepi pangkalan menunggu perahu untuk ditumpang ke seberang. Dia teringat kalendar di rumah Datu Bujang, semalam kalendar itu berangka Khamis, 18 Disember 1941. Dia bergegas hendak berkayuh balik ke rumah di Kampung Boyan.

Dentuman

Tiba-tiba dia terdengar bunyi dentuman yang amat kuat. Tidak pernah didengar bunyi dentum sekuat itu. Dentuman menggegarkan bumi berturut-turut disertai bunyi belon yang berdengung di atas langit. Dia mendongak. Beberapa buah belon terbang rendah dan melepaskan bom, berdentum menyentuh bumi. Bumi terbakar dan bangunan musnah. Deretan kedai bertukar jadi sarang api. Bunyi teriak orang di pasar seberang kedengaran seperti tangisan dari neraka. Banyak nyawa melayang pergi meninggalkan jasad. Bunyi dentuman kedengaran bertalu-talu. Sempat juga Suntong menaruh harapan pada bom-bom itu agar meruntuhkan Fort Margherita. Suntong lupa dia dalam bahaya. Dia masih di permukaan air. Tiba-tiba sebutir bom jatuh di tengah sungai bertentangan dengan kubu putih. Air sungai berkocak kuat seperti ada buaya besar menyerang mangsa. Suntong sekuat kudrat mengawal perahu. Tarian perahu akhirnya berhenti kerana tangan kekar Suntong mahir mengemudi. Suntong melompat naik ke tebing.

Dari tebing batu itu Suntong berdiri menyaksikan perubahan pada kota Kuching. Dia melihat sebuah stor minyak Syarikat Borneo di tebing sungai menjadi gunung api. Kebakaran amat dahsyat. Api dengan lahap menjilat minyak. Kepulan asap tebal menjulang ke awan. Cahaya terang pada tengah hari Jumaat yang panas itu bertukar malap hingga ke petang. Suntong kecewa kerana bom yang hampir mengenainya hanya bernoktah di situ.

“Brooke lemah. Jepun yang menggugurkan 24 biji bom dari Simpang Tiga hingga ke tengah sungai tidak mampu ditentang. Kita guna senjata Jepun ini jahanamkan Brooke.” Suntong membelek-belek senapang dan bom tangan hasil rampasan. Suntong terbayang kecekapan kawan-kawan dalam serang hendap di Matang. Beberapa kepala Jepun berjaya dipancung. Terbayang juga pancutan darah hanyir Jepun mengenai bajunya.

“Kita serang dari sungai. Aku sudah beberapa kali menjala di situ. Aku sudah tahu benar keadaan di situ. Aku pasti kita berjaya mendaki tebing tinggi hingga ke kubu. Kita bergerak malam ini.” Suntong memerhati bebola mata tujuh orang rakan pejuang bergilir-gilir. Suntong yakin dia dan rakan-rakan akan berjaya sekali lagi. Lapan orang pejuang bekas Renjer Sarawak itu cekap dan gagah. Selepas pembubaran Renjer Sarawak pejuang itu memenuhi dada dengan ilmu persilatan.

Pada malam penentuan itu, kecekapan, pengalaman dan ilmu telah menjayakan pejuang-pejuang mendaki tebing curam berlumut secara senyap. Belukar dan siratan akar-akar kayu dirempuh dengan mudah. Suntong dan rakan-rakan bersiap sedia

dengan rifel dan machine gun. Muncung dihala ke arah pengawal yang mundur-mandir di atas benteng panjang di sebelah kiri kubu.

Dengan isyarat tangan Suntong memberi arahan untuk menembak. Gema tembakan bagaikan bertih digoreng tepat mengenai sasaran. Pengawal di atas kubu jatuh satu persatu. Kemudian naik beberapa orang lagi ke atas benteng. Tembakan berbalas dari Fort Margherita. Suntong melontar pula bom tangan sekuat hati. Bom jatuh di dinding dan menggegar kubu. Tembakan dari arah kubu semakin rancak dituruti dentuman bom. Suntong semakin bersemangat dan geramnya menggila untuk memusnahkan kubu. Dia berlari sambil menembak dan berguling-guling berlindung di tanah tinggi-rendah. Dengan semangat dan keberanian di tahap puncak dia menghampiri kubu dan melontarkan bom tangan sekuat tenaga. Sasaran tepat, bom melambung tinggi dan menjunam di tengah kubu. Hati Suntong puas melepas geram. Dia berundur menghampiri rakan di tebing sungai. Dia tahu pasukannya kurang peluru. Bom tangan pun sudah habis.

Tiba-tiba tembakan datang dari arah kanan kubu. Tembakan itu disasarkan ke arah kubu. Tembak menembak saling berbalas.

“Ayuh kita berundur menuruni tebing curam. Itu tentera Maeda. Biar pemusnah memusnahkan perosak.” Suntong bergerak ke arah tebing tinggi dan turun ke sungai dituruti rakan-rakan tanpa cedera.

Tatkala tentera Maeda mengambil alih Kuching dengan rasmi pada pukul lima petang hari yang malang itu, ketua tentera masih dihantui kisah semalam. “Siapa penyerang yang menodai Margherita sebelum Maeda?”

I Glosari;

Belon (Bahasa Melayu Sarawak) ialah kapal terbang.

ARKIB : 20/02/2010

Keunikan Sarawak banyak untuk diterokai

Oleh ABD. HALIM HADI
halim.hadi@utusan.com.my

TERLALU banyak kenangan yang dapat dibawa balik bagi mereka yang melawat Sarawak malah tidak keterlaluan untuk mengatakan kunjungan pertama ke Bumi Kenyalang itu pastinya bukan yang terakhir.

Sekiranya anda merancang untuk memasuki negeri ini sebagai destinasi pelancongan bagi tahun 2010, pilihan pasti tidak mengecewakan apatah lagi dengan aturan jadual perjalanan yang teratur.

Tarikan terbesar yang sering menjadi kekaguman pelancong di Sarawak adalah keharmonian budaya, cara hidup dan kemajmukan masyarakat yang terdiri daripada kira-kira 27 suku kaum pribuminya.

Malah, kesan daripada kepesatan pembangunan turut menggalakkan lagi 'pengumpulan budaya' dari sembilan bahagian negeri itu ke bandar-bandar utama. Sekali gus memaparkan lebih banyak keunikan masyarakat etniknya.

Bagi yang berkunjung untuk kali pertama, bandar raya Kuching mungkin destinasi yang sesuai untuk diutamakan.

Seperti kata orang Sarawak, jika tidak berkesempatan melawat ke Miri dan Sibul, kunjungan di Kuching sahaja sudah cukup memadai.

Selain acara yang banyak dianjurkan sepanjang tahun, kunjungan pelancong di Kuching disambut dengan pelbagai tempat dan monumen bersejarah seperti muzium, bangunan Istana, Fort Margherita dan patung kucing yang menjadi simbol bandar raya berkenaan.

Kuching dan bandar-bandar utama di Sarawak juga mempunyai rangkaian hotel dan tempat penginapan yang baik dengan harga berpatutan.

Sekiranya menginap di hotel-hotel di sekitar bandar raya Kuching jangan melepaskan peluang mengunjungi Bazaar Utama Kuching untuk membeli atau sekurang-kurangnya melihat kepelbagaian hasil seni dan kraf tangan buatan masyarakat tempatan.



PESTA Menuai Sedunia yang diadakan setiap tahun menghimpunkan pelbagai kebudayaan daripada suku-suku kaum pribumi Sarawak.

Daripada barang ukiran hinggalah hasil tenunan sendiri, semuanya boleh didapati pada harga yang murah.

Bertentangan dengannya pula ialah laluan jalan kaki terkenal, Tebingan Kuching atau lebih popular dipanggil *waterfront* yang merupakan bekas pelabuhan kapal-kapal dagang yang menjadikan tempat itu sebagai tapak permulaan bandar Kuching.

Dari situ, pengunjung boleh menikmati pemandangan bandar dari seberang sungai dengan menaiki bot tambang yang pernah menjadi pengangkutan terpenting suatu ketika dulu.

Jika bot tambang tidak memadai, pelawat boleh membayar lebih untuk bersiar di Sungai Sarawak dengan menaiki SarawakCruise sambil dihiburkan kumpulan muzik dan penari-penari berpakaian tradisional.

Satu lagi destinasi 'wajib' dikunjungi di Kuching ialah Pasar Tamu Satok, pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Di sinilah terdapatnya gerai-gerai menjual ikan terubok masin dan kuih lapis yang sering dijadikan buah tangan pelancong.

Tidak jauh dari bandar raya Kuching, seperti di Bau, Serian dan Padawan, pelancong boleh berkunjung ke rumah-rumah panjang tradisional kaum Iban dan Bidayuh untuk mengenali cara hidup mereka dengan lebih dekat.

Sekiranya berkesempatan, bahagian utara Sarawak turut menjanjikan pengalaman melancong yang bernilai terutama di kawasan seperti Taman Negara Mulu, Niah, Bario dan Ba'Kelalan di pedalaman Miri.

Di sana, pelancong akan terpegun melihat keunikan budaya kaum Kelabit, Kenyah, Penan dan Kayan yang tinggal di kawasan tanah tinggi.

Perjalanan menggunakan pesawat kecil kini disediakan oleh MASwing.

Manakala di pedalaman Sibu, daerah Mukah menawarkan pelbagai jenis makanan tradisional daripada suku minoriti iaitu Melanau seperti tebaloi (sejenis biskut sagu), ulat mulung dan umai (sejenis sushi diperbuat daripada ikan).

Pada bulan Mei setiap tahun, Mukah akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti, persembahan dan permainan tradisional melalui Pesta Kaul.

Bagaimanapun, jika jadual anda di Sarawak terlalu singkat dan tidak berkesempatan menjelajah ke bahagian lain seperti Sibu, Kapit dan Bintulu, satu destinasi wajib dimasukkan ke dalam jadual anda iaitu Kampung Budaya Sarawak (SCV) yang terletak kira-kira 40 kilometer dari Kuching.

Kunjungan terus menggunakan teksi dan bus penumpang biasanya boleh didapati di hotel-hotel utama.

Lawatan setengah hari ke taman budaya itu boleh diibaratkan sebagai *tour* ringkas ke segenap pelosok Sarawak.

Ia merupakan 'muzium hidup' yang dimeriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan, pameran kraftangan dan cara hidup mewakili setiap etnik di negeri ini. Sarawak, tiada tempat sepertinya.

Sumber : <http://www.utusan.com.my>
Tarikh Akses : 18 Julai 2013

Headline: Tebingan Kuching gamit pelancong
Publication: HM
Date of publication: Nov 26, 2008
Section heading: Supplement
Page number: 06
Byline / Author: Oleh Matzidi Dris

TEBINGAN Kuching atau lebih popular dengan nama Kuching Waterfront, terletak di tebing Sungai Sarawak, berhampiran pusat bandar raya Kuching.

Ia dianggap sebagai 'Halaman Rakyat' di kalangan pelancong asing berikutan destinasi itu menjanjikan seribu satu pengalaman tidak terdapat di tempat lain.

Tidak hairanlah kunjungan ke bandar raya Kuching dikatakan tidak lengkap sekiranya tidak singgah ke Kuching Waterfront, sekali gus menikmati panorama indah di Sungai Sarawak.

Sejak Kuching Waterfront yang mengunjur sejauh satu kilometer di tebing Sungai Sarawak dirasmikan pada September 1993, lokasi itu tidak pernah sunyi dikunjungi bukan saja di kalangan penduduk tempatan, malah pelancong dalam dan luar negara yang berulang kali menjadikan bandar raya ini destinasi percutian setiap tahun.

Sesuai kedudukannya di tengah pusat bandar raya ini, Kuching Waterfront mudah dikunjungi, kerana kebanyakan hotel penginapan sama ada bertaraf bintang atau hotel bajet terletak tidak jauh dari lokasi berkenaan.

Malah, keindahan landskap atau seni taman dan keunikan reka bentuk Kuching Waterfront yang di kelilingi beberapa bangunan bersejarah dapat dilihat dari tingkap hotel bertaraf antarabangsa yang menghadap Sungai Sarawak seperti Hotel Hilton, Crowne Plaza Riverside, Holiday Inn dan Harbour View.

Bagi mereka yang lebih gemarkan hotel bajet, terdapat beberapa hotel seumpama itu di kawasan berhampiran, namun tempahan perlu dibuat lebih awal ekoran kerap sesak dengan pengunjung.

Kuching Waterfront pernah menerima beberapa anugerah antaranya National Project Award in the Civic Design Category 1994 dari Australian Institute of Landscape Architecture; Merit Award in the Overseas Category 1994 dari Royal Australian Institute of Landscape Architecture, dan Excellence on the Waterfront/Waterfront Centre Annual Award 1994 daripada Waterfront Centr.

Dari aspek sejarah, Kuching Waterfront akan menceritakan segala-galanya kepada pengunjung, tanpa perlu menghabiskan masa membelek lipatan sejarah di arkib atau perpustakaan.

Ini kerana setiap langkah kita di sepanjang tebing itu, akan membongkar segala kisah silam dan menarik mengenai Sarawak. Ini kerana sepanjang tempat berjalan kaki di tebingan itu, ada diletakkan penerangan ringkas mengenai sejarah yang berlaku di situ.

Tidak cukup dengan penerangan ringkas di atas laluan pejalan kaki, di kiri kanan tebingan itu juga tersergam bangunan bersejarah seperti Astana Negeri, di seberang sungai, bangunan yang dibina Charles Brooke pada 1870 sebagai hadiah perkahwinan kepada isterinya, Rane Margaret. Pada masa ini, Astana menjadi kediaman rasmi Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Fort Magherita, bekas kubu di zaman Brooke.

Kubu itu diberi nama Margherita, bersempena nama isterinya. Fort Margherita, akhirnya dijadikan Muzium Polis. Sangat menarik untuk dikunjungi bagi melihat sejarah kepolisan di Sarawak, senjata, meriam tua, pedang serta bilik khas untuk banduan dan bilik hukuman.

Sedikit masa lagi, pemandangan di kawasan terbabit akan menjadi lebih menarik berikutan siapnya bangunan baru Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak.

Bagi yang mahu menikmati panorama di sepanjang Sungai Sarawak, boleh mengikuti Sarawak River Cruise. Bot yang disediakan belayar dari Tebing Kuching ke Jambatan Satok di bahagian hulu dan berpatah balik, terus ke Jambatan Tun Salahuddin sebelum balik ke tebingan berkenaan.

Perkhidmatan perahu tambang juga disediakan untuk menyeberangi sungai berkenaan dengan tambang serendah 30 sen untuk satu perjalanan.

Bagi pengunjung Tebingan Kuching yang ingin ke tempat menarik seperti Muzium Sarawak, Muzium Islam atau membeli-belah di Lebuh India dan Jalan Gambier tidak perlu mencari pengangkutan awam kerana mereka boleh berjalan kaki kerana jaraknya kira-kira satu kilometer sahaja.

Turut terdapat di Kuching Waterfront ialah Square Tower, yang dulunya digunakan untuk meninjau pergerakan musuh. Square Tower dibina pada 1879, dikenali juga sebagai Rumah Pasung di kalangan penduduk tempatan kerana dikatakan pernah dijadikan pusat tahanan pada zaman pemerintahan Brooke.

Di tengah Tebingan Kuching, ada sebuah galeri khusus menyimpan khazanah kaum Cina iaitu Muzium Sejarah Cina. Di galeri ini pengunjung berpeluang mengetahui sejarah kehadiran serta perkembangan kaum Cina di Sarawak.

Bagi pelancong yang ingin mendapatkan ole-ole untuk dibawa pulang, mereka tidak perlu pergi jauh, kerana deretan gerai cenderahati yang menjual pelbagai hasil kraftangan penduduk tempatan terdapat berhampiran tebingan itu.

Sebagai tempat tumpuan utama di Kuching, Kuching Waterfront juga sering menjadi pilihan untuk mengadakan pelbagai acara seperti pameran, pentas hiburan, selain

menjadi lokasi tetap Pesta Sukan Air atau Regatta Sungai Sarawak.

> Info Zoom

* Berharga RM89 juta

* Dimajukan Perbadanan

* Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)

* Meliputi kawasan sepanjang 890 meter di tebing Sungai Sarawak

* 1 kilometer dari Muzium Sarawak

* 0.5 kilometer dari

* Dataran Merdeka

* 35 kilometer dari Kampung Budaya Sarawak di Santubong

(END)

Headline: 14 reasons to visit Malaysia

Publication: NST

Date of publication: Dec 10, 2008

Section heading: Supplement

Page number: 010

MALAYSIA'S 13 state capitals have many interesting attractions to offer the discerning tourists. From natural wonders to heritage sites, they are also able to sample the various culinary delights and go on shopping sprees. The Federal capital of Kuala Lumpur similarly has a myriad of traditional and modern attractions to beguile and enchant visitors.

1. KANGAR - PERLIS

RELATIVELY small compared to the other state capitals, this town has its own attractions. Everything here either within a walking distance or a short drive away. Among its landmarks are Masjid Alwi, the golden-domed state mosque and state museum. Visitors should give the local speciality "laksa Perlis", a seafood noodle soup in thick, rich and creamy fish gravy, a try.

2. ALOR STAR - KEDAH

TO city dwellers, the sight of padi fields dotting the periphery of this state capital is soothing in comparison to the brick jungle of cities. Alor Star is overshadowed by the popular duty-free island resort of Langkawi but it can still charm visitors. Among the places to visit are the iconic 165.5m Alor Star tower, state museum, the Masjid Zahir, which incorporates the impressive Moorish architecture, Balai Nobat and Balai Besar, Tunku Abdul Rahman Putra memorial, and the ever-popular bazaar, Pekan Rabu.

3. GEORGE TOWN - PENANG

NAMED after King George III, this state capital has a rich history which can be traced back to 1786, the year it was founded by Sir Francis Light. It added another feather in the cap when it was recently awarded the Unesco World Heritage site status, together with the historical city of Malacca. Known as the Pearl of the Orient, George Town boasts of heritage buildings and monuments rich in history, golden beaches and gastronomic delights.

4. IPOH - PERAK

THE city, which derived its name from the ipoh tree, was opened in the 1820s. It had a humble beginning but tin mining activities transformed it into a bustling town. Unlike other state capitals, Ipoh is synonymous with cave temples and dwellings, white coffee and the Tambun pomelo. The local fare, such as the Ipoh bean sprouts chicken, Ipoh chicken rice and salted chicken, need no introduction. Among the places of interest are

Kellie's Castle and Sam Poh Tong temple.

5. SHAH ALAM - SELANGOR

SHAH Alam is a well-planned township, with residential and commercial areas existing in harmony, aided by a beautifully-designed lake in the centre. Its landmark is the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mosque, which is capable of accommodating thousands of worshippers at one time. Also known as the Blue Mosque, it is reputed to have the tallest minarets in the world.

6. KUALA LUMPUR - FEDERAL TERRITORY

BEING the federal capital, Kuala Lumpur, or KL, is the pulse of the country and its commercial, trade and finance hub. From its humble origin in the 1850s, a settlement built at the confluence of Sungai Gombak and Sungai Klang, a visit to Malaysia will not be complete if KL is given a miss. Visitors will find so many things to do - from visiting scores of places of interest and having fun at entertainment spots to all-day long shopping at street markets or modern shopping malls and tucking into local and international fare at stalls and restaurants.

7. SEREMBAN - NEGRI SEMBILAN

A typical town with pre-war and modern buildings fighting for space, Seremban boasts of a train station built during the British administration. It is the state where buildings like the Seremban Municipal Council headquarters are influenced by the traditional Minangkabau features, the curved roof that resembles buffalo horns. Other places of interest are the lake garden and the state mosque.

8. MALACCA - MALACCA

MALACCA is officially known as a historical city due to its glorious history of more than 600 years. Like George Town, it is another Unesco World Heritage site in the country. As a city once ruled by the Portuguese, Dutch and the British, and an important trading centre which attracted traders from all over the world, it boasts of heritage buildings and unique culture encompassing the various races. Malacca's historical heritage sites are plenty, which visitors will find difficult to cover in a single day.

9. JOHOR BARU - JOHOR

POPULARLY known as "JB", this southernmost state capital has been transformed into an exciting and vibrant metropolitan. Just visit Danga Bay, the city's latest happening spot or indulge in frenzy shopping at its various malls and shopping complexes. Johor Baru is also famous for its laksa Johor and mee rebus. Photography buffs will be transfixed with the beauty and architecture of buildings like the Sultan Abu Bakar mosque, the Sultan Abu Bakar royal museum and the Sultan Ibrahim building in Bukit Timbalan.

10. KOTA BARU - KELANTAN

KOTA Baru is often associated with the Malay culture and traditions. It is the place to watch wayang kulit (shadow puppet), dikir barat and top-spinning, among others. Befitting its steeped cultural and heritage links, it boasts of various museums such as the state museum, the craft museum, the Islamic museum, the royal museum, the museum of royal traditions and customs and the war museum. Shoppers are often directed to the Siti Khadijah market, a landmark attraction where the majority of traders are women, and the Bazar Buluh Kubu, popular for its craft items.

11. KUALA TERENGGANU - TERENGGANU

As Terengganu is well-known for its quality batik and songket, a visit to its handicraft centres and outlets should be on the itinerary. Top of the list is Pasar Payang, the central market. Visitors should also sample nasi dagang, a local delicacy. Equally delightful and tasty are the laksam and sata.

12. KUANTAN - PAHANG

KUANTAN'S river cruise is a popular attraction among tourists. There are many interesting sights to savour along the journey. Visitors will make a stopover at a mangrove park, the highlight of the cruise, where one can explore the mangrove jungle along a boardwalk. When it comes to food, try the nasi periuk kera, a novelty dish where rice is cooked in pitcher plants.

13. KUCHING - SARAWAK

KUCHING has a wealth of attractions for tourists. It can be divided into three categories; the city proper, historical buildings and museums and exhibits. The Kuching waterfront, a landscaped esplanade perfect for a lazy stroll or people-watching, needs no introduction. There is also the main bazaar where a variety of antiques and handicraft can be found, besides Kuching's modern shopping malls. What should also be on any traveller's itinerary are the city's historical buildings, which include the Sarawak Steamship Building, general post office, court house, Brooke Memorial, the Astana, and Fort Margherita. Kuching also has many museums, including the Sarawak Museum, Islamic Museum, Chinese History Museum and Cat Museum, which is the only museum in the world specially dedicated to cats.

14. KOTA KINABALU - SABAH

Besides shopping and food, Kota Kinabalu is famous for its natural attractions. The Lok Kawi Wildlife Park is home to orang utans, monkeys and rhinos, among others. Another place worth a visit is the Monsopiad Cultural Village, a park which aims to inform and educate about the Kadazan way of life. One can buy pearls, handicraft and various types of souvenirs at the city's handicraft market next to the waterfront. But what

perhaps is highest on the to-do list of many travellers is to climb majestic Mount Kinabalu, the highest peak in Southeast Asia. It is a two-hour journey from here to the Kinabalu park headquarters.

(END)

Headline: Sarawak ada 12 muzium
Publication: HM
Date of publication: Oct 25, 2007
Section heading: Variasi
Page number: 06
Byline / Author: Oleh Yooga Rani Murugiah

SARAWAK begitu sempurna dengan kekayaan hutan semula jadi, khazanah sejarah yang tidak ternilai serta tradisi kebudayaan yang dikekalkan setiap masyarakat suku kaum sehingga ke generasi hari ini.

Dengan anugerah Tuhan yang serba cukup, negeri Bumi Kenyalang ini boleh dikatakan cukup bertuah dalam menarik jumlah pelancong yang amat tinggi, setiap tahun.

Setiap destinasi yang dilawati pastinya meninggalkan kesan mendalam dalam diri pengunjung selain pengalaman yang tidak mudah dilupakan.

Bagi anak pribumi Sarawak, tentu ini sesuatu yang membanggakan dan perasaan untuk mempertahankan warisan negeri sentiasa tersemat dalam diri, lebih-lebih lagi melihat masyarakat antarabangsa mengiktiraf dan memandangi tinggi kebesaran khazanah yang dimiliki.

Di samping dikurniakan alam semula jadi dengan habitat flora dan fauna yang indah, Sarawak berperanan sebagai penyimpan harta dan penjaga koleksi bahan sejarah.

Negeri yang sedia dikenali dengan banyak muzium ini mempunyai warisan dan sejarah tersendiri.

Muzium Sarawak, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Tekstil dan Muzium Cina antara 12 jenis muzium yang terletak di tengah pusat bandaraya Kuching.

Muzium Sarawak yang menjadi teras utama dan pelengkap kepada semua jenis muzium mercu tanda terkenal di Kuching.

Muzium ini mencatat sejarah, adat dan kepercayaan kaum di Sarawak dan Borneo yang ditemui selepas bertahun lama menjalankan kajian.

Muzium yang tertua di Asia Tenggara itu memiliki bangunan yang berlandaskan pembinaan ala Victoria. Ia juga dikenali sebagai Muzium Etnologi, dibina pada 1891 dan diubahsuai pada 1911 kepada reka bentuk yang ada masa kini.

Sebuah lagi muzium menarik yang mesti dilawati Muzium Tekstil di tengah Bandaraya Kuching. Bangunan yang dibina pada 1907 sebagai pusat perubatan dulu, menggabungkan konsep Inggeris Renaissance dan Inggeris Kolonial.

Di sini, anda menyaksikan pakaian tradisi suku kaum Sarawak. Bermula di tingkat bawah mengenali sejarah kedatangan kaum ini hingga ke tingkat atas menunjukkan proses membuat tekstil daripada peringkat anyaman hingga tenunan, pasti anda akan terpegun.

Satu lagi muzium yang pengunjung tidak seharusnya lupakan adalah Muzium Sejarah Cina yang dibina pada 1912. Muzium ini suatu ketika dulu digunakan sebagai mahkamah oleh pendatang asing.

> Info

* Muzium Sarawak, Muzium Tekstil, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Seni, Muzium Sejarah Cina, Muzium Petroleum, Kubu Margherita dan Muzium Islam dibuka setiap hari kecuali hari pertama cuti umum, hari jadi Tuan Yang Dipertua.

* Muzium Wilayah Limbang dan Muzium Arkeologi Niah dibuka setiap hari kecuali Isnin dan cuti umum

* Muzium Wilayah Baram dibuka setiap hari kecuali Jumaat dan cuti umum.

* Waktu melawat antara 9 pagi hingga 5.30 petang. Kemasukan ke semua muzium di Sarawak adalah percuma.

(END)

Headline: Medan Niaga Satok pasar terbesar negara
Publication: BH
Date of publication: Jan 29, 2013
Section heading: Main Section
Page number: 008
Byline / Author: Oleh Misiah Taib; M Hifzuddin Ikhsan

Petra Jaya: Pasar terbesar di negara ini - Medan Niaga Satok (MNS) berharga RM46.6 juta dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.

Perasmian MNS yang dibina di atas tapak kira-kira lima hektar dan mempunyai 2,241 tapak gerai dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 5,000 tetamu termasuk hampir 3,000 peniaga di pasar berkenaan.

Muhyiddin dibawa menaiki bot dari Tebingan Kuching menuju ke jeti di MNS dengan perjalanan mengambil masa kira-kira 15 minit, untuk upacara perasmian secara simbolik, yang turut dihadiri Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Kehadiran Muhyiddin pada majlis bersejarah itu amat tepat memandangkan beliau adalah orang yang bertanggungjawab meluluskan projek medan niaga itu ketika masih menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 2007.

Idea mengenai pembinaan MNS dibentangkan Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Openg, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Satok, dengan Datuk Rohani Abdul Karim ketika itu Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Tani (kini Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan penggunaan antara yang bertanggungjawab membantu membawa cadangan itu kepada menterinya ketika itu.

Peruntukan tambahan

Lebih signifikan semalam, Muhyiddin meluluskan peruntukan tambahan RM13.5 juta untuk meningkatkan kemudahan jalan, tempat letak kenderaan dan laluan masuk ke MNS, sebaik mendengar masalah kesesakan di situ dibangkitkan Abang Johari.

Kewujudan MNS bakal menjadi satu lagi mercu tanda di Bumi Kenyalang yang terkenal dengan pelbagai produk eksotik dan mampu menarik perhatian masyarakat luar termasuk pelancong asing.

Pengunjung ke MNS yang terletak di tebing Sungai Sarawak pasti mengimbau kenangan Pasar Tamu Satok yang sebelum ini menjadi antara ikon pelancongan utama sebelum ditutup bulan lalu.

Suasana lebih selesa

Di lokasi baru yang diuruskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga yang dibahagikan empat komponen iaitu pasar tamu, pasar borong, pasar minggu dan benteng, kini beroperasi dalam keadaan lebih selesa.

Dalam ucapannya Muhyiddin berkata, pada 2007 Abang Johari tampil dengan idea yang sukar ditolak sebelum Kabinet meluluskan peruntukan RM46.6 juta bagi tujuan itu.

"Pusat ini bakal menjadi lokasi kepada usahawan tani kecil yang berdepan masalah pengeluaran dan pemasaran mencari tapak menjual hasil pertanian mereka bagi kegunaan orang ramai di bandar," katanya ketika berucap pada majlis perasmian itu.

Majlis turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar dan Pengerusi FAMA, Tan Sri Badruddin Amirudin.

Lebih membanggakan, MNS diiktiraf Noh sebagai pasar bersepadu yang dibina mengikut rekaan moden terbesar di negara ini, mengatasi Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu.

JADUAL OPERASI MEDAN NIAGA SATOK (MNS)

- Blok B - Barangan Basah - 7 pagi hingga 8 malam (Isnin-Jumaat) / 7 pagi hingga 10 malam (Sabtu-Ahad)
- Blok C - Barang Kering - 7 pagi hingga 8 malam (Isnin - Jumaat) / 7 pagi hingga 10 malam (Sabtu-Ahad)
- Blok D - Plaza - 8 pagi hingga 10 malam (Isnin - Jumaat) / 8 pagi hingga 11 malam (Sabtu-Ahad)
- Blok E - Benteng - 7 pagi hingga 12 malam (Isnin hingga Jumaat) / 7 pagi hingga 2.30 petang (Sabtu-Ahad)
- Borong - 11 malam hingga 7 pagi (Isnin hingga Sabtu) / rehat (Ahad)
- Pasar Minggu - 7 pagi hingga 10 malam (Sabtu) / 7 pagi hingga 2 petang (Ahad)

Headline: Historic forts to undergo repairs

Publication: NST

Date of publication: Apr 21, 2012

Section heading: Main Section

Page number: 023

SIBU: The 77-year-old Fort Brooke at Nanga Meluan in Julau here is being repaired to stop it from crumbling.

Work to repair and restore the belian (iron wood) fort, built when the White Rajahs - the Brooke family - ruled Sarawak, came on the heels of the state government's decision to restore two other forts - Fort Sylvia in Kapit and Fort Alice in Sri Aman - to their former glory.

The work, costing about RM450,000, is funded by the state's Tourism and Heritage Ministry and is expected to be completed in September.

From 1954 to 1981, Fort Brooke, which was originally built from bamboo, housed the Julau District Council and police station.

Headline: Mercu tanda sinonim dengan setiap negeri
Publication: BH
Date of publication: Apr 15, 2009
Section heading: Supplement
Page number: 012
Byline / Author: Oleh Habsah Dinin

MALAYSIA sememangnya terkenal di mata dunia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya, bangsa dan adat resam di mana rakyatnya yang berbilang kaum dan agama mampu hidup aman damai sejak 53 tahun dulu.

Dengan 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan bernaung di bawah satu bendera Malaysia, setiap negeri dikenali memiliki mercu tanda tersendiri. Mercu tanda biasanya diambil daripada tempat, pemandangan ataupun binaan dalam negeri berkenaan yang dianggap sinonim dengannya.

Contohnya, Masjid Ubudiyah Kuala Kangsar yang menjadi mercu tanda bagi Perak, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam bagi Selangor, jambatan Pulau Pinang kepada Pulau Pinang, pemandangan sawah padi bagi Kedah, kota lama A Famosa di Melaka, Bukit Timbalan bagi Johor dan Taman Negara bagi Pahang.

Istana Sri Menanti dan Nilai 3 bagi Negeri Sembilan; Masjid Kristal dan pulau menjadi mercu tanda bagi Terengganu; pokok tamar di bulatan Tuan Padang (dulunya dikenali sebagai Bulatan Jam Besar) di Kota Bharu bagi Kelantan, puncak Gunung Kinabalu bagi Sabah dan waterfront di Kuching bagi Sarawak.

Pulau Pinang

Masjid Terapung Tanjung Bungah, Pulau Pinang bernilai RM15 juta dirasmikan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Pahang

Mercu tanda jam di Bukit Fraser.

Kelantan

Bulatan Tuan Padang ditanam dengan pokok-pokok tamar dengan replika rehal gergasi yang terbuka menampakkan Kota Bahru sebagai bandaraya Islam di Asia Tenggara.

Sarawak

Bangunan Fort Magherita adalah salah satu daya tarikan pelancong ke Sarawak dan antara bangunan tertua dan penting di zaman kegemilangannya. Terletak bersebelahan dengan mercu tanda baru bandaraya Kuching iaitu Komplek Dewan Undangan Negeri

di Jalan Astana Petra Jaya Kuching.

Terengganu

Dataran Shahbandar dibina di pinggir muara Sungai Terengganu menjadi mercu tanda bandar Kuala Terengganu.

Selangor

Rumah Api ini adalah mercu tanda di Bukit Malawati.

Perlis

Mini Putrajaya di Kangar adalah replika bangunan pentadbiran di Putrajaya berdiri megah di Jalan Lintasan Kangar dan siap pada 2007.

(END)

Sumber : <http://emedia.com.my>

Tarikh Akses : 18 Julai 2013

KUBU MARGHERITA DI SARAWAK DITUTUP SEMENTARA

Date: 12-01-2007

Author: / RDY DC RON

Sarawak-Kubu

KUCHING, 12 Jan (Bernama) -- Kubu Margherita, antara tempat menarik kunjungan pelancong di Sarawak, akan ditutup buat sementara mulai hari ini.

Jabatan Muzium Sarawak dalam satu kenyataan berkata tindakan itu diambil memandangkan jalan masuk serta persekitaran kawasan kubu, yang terletak di Jalan Astana di sini, kurang selesa dan tidak selamat dikunjungi pada masa sekarang.

"Pada masa yang sama sebuah projek pembinaan sedang dijalankan berdekatan kawasan kubu itu," menurutnya.

Kenyataan itu menyebut tarikh pembukaan semula kubu itu akan diumumkan kepada orang ramai kelak.

Kubu yang siap dibina pada 1879 itu, merupakan kubu sangat penting pada zaman pemerintahan Rajah Kedua Sarawak, Charles Brooke, dan ia diberi nama Margherita sempena nama isterinya.

Kubu itu pernah menempatkan Muzium Polis pada tahun 1970an dengan mempamerkan sejarah kepolisan di Sarawak, senjata, meriam tua, pedang serta bilik khas banduan dan halaman pesalah menjalani hukuman tembak.

-- BERNAMA

RDY DC RON

Sumber : <http://blis.bernama.com/mainHome.do>

Tarikh Akses : 22 Julai 2013